



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
HARI RAYA
AIDILADHA
1447H / 2026M

**KHUTBAH KHAS 'IDUL ADHA
KEHIDUPAN ADALAH PENGORBANAN
27MEI 2026M | 10 ZULHIJAH 1447H**

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan dan kesyukuran kita kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita menjadi orang-orang yang bertaqwa.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Para Jemaah Aidiladha Yang Dimuliakan

Pada 10 Zulhijjah umat Islam di seluruh dunia menyambut Aidiladha dengan melaksanakan solat sunat Aidiladha, melaungkan lafaz takbir, tahmid, tasbih dan tahlil sebagai tanda syukur kepada Allah ﷻ. Umat Islam juga bergembira menyambut Aidiladha dengan saling kunjung mengunjung dan bermaaf-maafan antara satu sama lain.

Aidiladha atau Hari Raya Korban membawa falsafah pengorbanan yang mengajak umat Islam mengamalkan pengorbanan dalam setiap aspek kehidupan, kerana dunia ini adalah tempat ujian yang memerlukan pengorbanan berterusan untuk meraih keredaan Allah ﷻ. Firman Allah ﷻ dalam surah al-Mulk ayat 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ

Yang bermaksud: “Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu) lagi Maha Pengampun (bagi orang yang bertaubat).”

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Para Jemaah Aidiladha Yang Dimuliakan

Sebagai hamba, umat Islam dituntut untuk mengorbankan kehendak nafsu jika bertentangan dengan perintah Allah ﷻ. Renungilah kisah Nabi Ibrahim ؑ yang sanggup untuk menyembelih anaknya, kerelaan Nabi Ismail ؑ menerima perintah itu dan sokongan Siti Hajar yang tidak berbelah bahagi bukanlah sekadar taat melulu tetapi keyakinan bahawa perintah Allah ﷻ mesti didahului dan dipatuhi. Firman Allah ﷻ dalam surah As-Saffat, ayat 102:

يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى ۗ قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: “Wahai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu.”
Dia menjawab: “Wahai ayahku, laksanakanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya-Allah engkau akan mendapati aku termasuk dalam kalangan orang yang sabar.”

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah ﷻ,

Aidiladha atau Hari Raya Haji juga diraikan bersempena perhimpunan umat Islam di Makkah menunaikan ibadah haji. Falsafah

haji mengajar kita untuk sanggup mengorbankan harta demi perjalanan, penginapan, dan bayaran lain semata-mata untuk meraih keredaan Allah ﷻ. Pengorbanan harta yang dibelanjakan itu akan diberi ganjaran oleh Allah ﷻ. Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

الْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Yang bermaksud: *“Dan haji Mabruur tidak ada balasannya melainkan syurga”*

Ibadah korban juga turut menjadi simbol kepada kesediaan kita untuk mengorbankan sebahagian daripada harta milik kita bagi berkongsi rezeki dengan fakir miskin atau golongan yang memerlukan.

Konsep pengorbanan yang dibawa melalui roh Aidiladha ini perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat. Ibu bapa berkorban dalam mendidik anak dengan nilai agama, anak berkorban dengan memuliakan ibu bapa, golongan muda berkorban dengan menghormati yang lebih tua, pelajar berkorban menuntut ilmu, masyarakat berkorban demi kesepakatan, pemimpin berkorban untuk kesejahteraan rakyat, dan kita semua berkorban apa sahaja demi ketaatan kepada Allah Yang Maha Esa. Bahkan kemuncak pengorbanan mempertahankan negara dengan nyawa kita sekiranya diceroboh oleh musuh.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah ﷻ,

Hakikatnya pengorbanan yang sebenar tidak hanya melibatkan harta semata-mata tetapi ia juga merangkumi pengorbanan masa, tenaga, perasaan, dan bahkan ego diri. Dengan pengorbanan yang seimbang, kita mampu membina sebuah masyarakat yang lebih mulia di samping meningkatkan ketaatan kita kepada Allah ﷻ.

Pada masa yang sama gunalah peluang untuk bertakbir selepas solat fardu (Takbir Muqayyad) yang boleh dilakukan bermula selepas masuk waktu subuh 9 Zulhijjah (Hari Arafah) sehingga terbenam matahari hari Tasyrik (10 sehingga 13 Zulhijjah). Kita juga disunatkan bertakbir tanpa terikat dengan waktu solat (Takbir Mutlak/Mursal) bermula pada malam Aidiladha sehingga imam mengangkat takbir solat hari raya Aidiladha.

Beberapa pengajaran boleh diambil melalui khutbah pada hari ini, antaranya:

- Pertama: Kehidupan di dunia adalah medan ujian yang memerlukan pengorbanan berterusan untuk meraih keredaan Allah ﷻ
- Kedua: Kisah pengorbanan keluarga Nabi Ibrahim ؑ perlu dihayati sebagai teladan kepatuhan mutlak kepada Allah ﷻ.
- Ketiga: Ibadah korban perlu diamalkan agar kita sentiasa terdidik untuk mengorbankan harta demi mentaati Allah ﷻ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.